

Keberkesanan Pengurusan Fasiliti Bilik Kuliah di UTHM Semasa Peralihan Fasa Endemik Covid-19

**Muhammad Firdaus Shamsuddin¹, Sharifah Meryam Shareh
Musa^{1,2,*}, Rozlin Zainal^{1,2}, Narimah Kasim^{1,2}**

¹ Jabatan Pengurusan dan Pembinaan, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400, Parit Raja, Johor, MALAYSIA

²Center of Project, Property & Facilities Management Service (PRoFM),
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, 86400, MALAYSIA

*Corresponding Author

DOI: <https://doi.org/10.30880/rmtb.2023.04.01.097>

Received 31 March 2023; Accepted 30 April 2023; Available online 1 June 2023

Abstract: Facilities Management is an organizational system that combines people, places, and processes in the built environment with the goal of improving people's quality of life. The problem statement for this study is related to the effectiveness of the management of lecture room facilities at UTHM during the transition to the endemic phase of Covid-19 where there was an issue of objections to conducting lectures physically and end-of-year examinations were conducted face-to-face. The objective of this study is to identify the steps taken in the management of lecture room facilities from the aspects of planning, maintenance, service provision, SOP compliance and to examine the effectiveness of UTHM in managing lecture room facilities during the transition phase of the endemic phase of Covid-19. Next, the scope of the study was at Universiti Tun Hussein Onn, Parit Raja, Johor. Qualitative methods were conducted to answer the research questions. The researcher interviewed the parties involved in the management of the lecture room facility consisting of Academic Management Office (PPA), Development and Maintenance Office (PPP), Strategic and Risk Management Office (PSPR), and Faculty directly and indirectly involved to achieve the first and second objectives. In relation to that, the findings of the study found that the main problem in the steps taken in the management of lecture room facilities from the aspects of planning, maintenance, service provision, SOP compliance and examining the effectiveness of UTHM in managing lecture room facilities is due to aspects of planning, maintenance, and SOP compliance in the lecture hall/room. In conclusion, this study is also expected to give a clear picture of the steps and effectiveness in the management of lecture room facilities at UTHM as well as provide safety, health, and comfort to all parties involved directly and indirectly.

Keywords: Covid-19, Endemic Phase, Facilities Management, Pandemic Phase.

Abstrak: Pengurusan Fasiliti adalah sistem organisasi yang menggabungkan orang, tempat dan proses dalam persekitaran yang dibina dengan matlamat untuk meningkatkan kualiti hidup orang ramai. Penyataan masalah bagi kajian ini adalah berkaitan tentang keberkesanan pengurusan fasiliti bilik kuliah di UTHM semasa peralihan fasa endemik Covid-19 dimana berlaku isu bantahan menjalankan kuliah secara fizikal dan peperiksaan akhir tahun dijalankan secara bersemuka. Objektif kajian dalam kajian ini adalah mengenalpasti langkah-langkah yang diambil dalam pengurusan fasiliti bilik kuliah dari aspek perancangan, penyelenggaraan, penyediaan perkhidmatan, pematuhan SOP dan mengkaji keberkesanan pihak UTHM dalam menguruskan fasiliti bilik kuliah semasa peralihan fasa endemik Covid-19. Seterusnya, skop kajian yang dibuat adalah di Universiti Tun Hussein Onn, Parit Raja, Johor. Kaedah kualitatif dijalankan untuk menjawab persoalan kajian. Pengkaji menemubual pihak-pihak yang terlibat dalam pengurusan fasiliti bilik kuliah yang terdiri daripada Pejabat Pengurusan Akademik (PPA), Pejabat Pembangunan dan Penyelenggaraan (PPP), Pejabat Pengurusan Strategik dan Pengurusan Risiko (PSPR), dan pihak Fakulti yang terlibat secara langsung dan tidak langsung untuk mencapai objektif pertama dan kedua. Sehubungan dengan itu, dapatan kajian mendapati masalah utama dalam langkah-langkah yang diambil dalam pengurusan fasiliti bilik kuliah dari aspek perancangan, penyelenggaraan, penyediaan perkhidmatan, pematuhan SOP dan mengkaji keberkesanan pihak UTHM dalam menguruskan fasiliti bilik kuliah adalah disebabkan oleh aspek perancangan, penyelenggaraan, dan pematuhan SOP di dalam ruang/bilik kuliah. Secara kesimpulannya, kajian ini turut diharapkan dapat memberi gambaran yang jelas mengenai langkah dan keberkesanan dalam pengurusan fasiliti bilik kuliah di UTHM sekaligus dapat memberi keselamatan, kesihatan, dan kesejahteraan kepada semua pihak semua yang terlibat dalam secara langsung dan tidak langsung.

Kata kunci: Covid-19, Fasa Endemik, Fasa Pandemik, Pengurusan Fasiliti

1. Pengenalan

Menurut *International Association of Facility Managers (IAFM, 2018)* pengurusan fasiliti telah menjadi disiplin profesional yang mengintegrasikan prinsip pentadbiran perniagaan, seni bina, kejuruteraan, dan tingkah laku dan sains sosial untuk memastikan operasi yang berkesan dan cekap bagi persekitaran terbina organisasi. Selain itu, menurut Kelly *et al.*, (2005) membincangkan pengurusan fasiliti bertanggungjawab mengkoordinasi keseluruhan usaha berkaitan merancang, rekaan dan pengurusan bangunan termasuk sistem, peralatan dan perabot untuk meningkatkan keupayaan organisasi bagi bersaing dalam perubahan dunia yang pesat. Seterusnya, menurut Berita Harian, (2022) di Malaysia pengurusan fasiliti telah membangun sejak lebih 10 tahun yang lalu dan pelbagai masalah wujud berkaitan pengurusannya seperti masalah dalam penyelenggaraan, mengendalikan, dan sebagainya. Malaysia, pada masa kini sedang berdepan dengan fasa peralihan endemik Covid-19 akan tetapi masih terdapat banyak pembinaan projek besar giat membangun dan ia juga secara tidak langsung akan meningkatkan permintaan perkhidmatan pengurusan fasiliti. Oleh itu, organisasi yang terlibat dalam penggunaan pengurusan fasiliti hendaklah patuh dan mengikut segala prosedur yang telah ditetapkan semasa fasa peralihan endemik Covid-19 oleh Pihak Kerajaan, Majlis Keselamatan Negara (MKN), dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Penyataan masalah bagi kajian ini adalah berkaitan tentang keberkesanan pengurusan fasiliti bilik kuliah di UTHM semasa peralihan fasa endemik Covid-19. Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya (KMUM), Wan Afiq Ikhwan membantah pelaksanaan kelas dan peperiksaan akhir tahun dijalankan secara fizikal yang didakwa diumumkan pada saat akhir dan dibuat secara paksaan. Hal ini dikatakan demikian kerana, mereka mungkin berasa tidak yakin dengan pengurusan fasiliti yang diuruskan oleh pihak pengurusan universiti dan juga dengan ancaman Covid-19. Di samping itu, pihak universiti juga sepatutnya memberi pilihan dan bukannya memaksa mahasiswa dan mahasiswi yang berdepan dengan

pelbagai kekangan seperti penginapan, kos perbelanjaan, dan sebagainya. Keputusan yang dibuat pada saat akhir dan dibuat secara paksaan untuk mahasiswa dan mahasiswi pulang ke kampus untuk menjalankan kelas secara fizikal tanpa mengambil kira kebajikan pelajar yang bakal menamatkan pengajian hanya akan membebankan mereka dengan kos yang sangat tinggi terutamanya bagi keluarga yang berpendapatan rendah atau B40.

Selain itu, pembelajaran dalam talian lebih sesuai dilaksanakan sekarang kerana universiti didakwa masih tidak dapat mencadangkan prosedur operasi standard (SOP) yang berkesan untuk mengawal penularan Covid-19. Hal ini demikian kerana, jika mahasiswa dan mahasiswi dijangkiti Covid-19 atau keadaan lain tidak dapat dielakkan yang menghalang mahasiswa dan mahasiswi daripada menghadiri kuliah atau peperiksaan secara fizikal, mereka akan ketinggalan dalam pelajaran (Berita Harian, 2022). Oleh itu, objektif kajian ini adalah (i) mengenalpasti langkah yang diambil dalam pengurusan fasiliti bilik kuliah semasa peralihan fasa endemik Covid-19 dan (ii) mengkaji keberkesanan pihak UTHM dalam menguruskan fasiliti bilik kuliah semasa peralihan fasa endemik Covid-19.

Kajian ini dipilih adalah kajian mengenai keberkesanan pengurusan fasiliti bilik kuliah di UTHM semasa peralihan fasa endemik Covid-19 dan akan dijalankan di UTHM yang berada di Parit Raja, Johor. Pengumpulan maklumat atau data dipilih adalah kajian mengenai keberkesanan pengurusan fasiliti bilik kuliah di universiti awam ke arah peralihan fasa endemik Covid-19. Rajah 1 menunjukkan lokasi kawasan kajian yang dikaji.



Rajah 1: Lokasi kawasan kajian, Kampus Induk UTHM (Laporan tahunan UTHM, 2020)

Pengkaji dapat mengetahui sejauhmana keberkesanan pengurusan fasiliti bilik kuliah di UTHM semasa peralihan fasa endemik Covid-19. Hal ini demikian kerana, disebabkan oleh pengurusan fasiliti bilik kuliah yang tidak berkesan ia akan menimbulkan rasa ketidakpercayaan mahasiswa/i untuk pulang ke kampus menjalankan kelas secara fizikal. Justeru, adalah sangat penting bagi pihak universiti dan pengurusan yang terlibat mengurus dan mencari penyelesaian bagi meningkatkan lagi keberkesanan pengurusan fasiliti bilik kuliah agar mahasiswa dan mahasiswi berasa selamat dan yakin untuk pulang ke kampus bagi menjalankan kelas secara fizikal.

2. Kajian Literatur

Kajian literatur ialah tinjauan komprehensif yang dijalankan untuk menawarkan asas pengetahuan bagi isu tersebut. Tujuannya adalah untuk mengenal pasti, memberikan gambaran keseluruhan dan meringkaskan tema yang berkaitan dengan penyelidikan yang dijalankan, serta menilai dan mengkritik karya semasa. Kajian literatur ini memfokuskan kepada penulisan sumber saintifik daripada penyiasatan yang telah disiapkan sebelum ini (Hadhari, 2020).

2.1 Fasa Pandemik dan Fasa Endemik Covid-19

(a) Fasa Pandemik Covid-19

Jadual 1 menunjukkan maklumat berkaitan fasa pandemik Covid-19 yang telah melanda Malaysia.

Jadual 1: Fasa pandemik Covid-19 (Berita Harian, 2020)

Fasa Pandemik Covid-19
<ul style="list-style-type: none"> ● Bermula Jan 2020 negara dilanda dengan penyakit Covid-19 ● Peningkatan kes Covid-19 berlaku pada 13 Mac 2020 dan pengisytiharan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ● Tiada aktiviti fizikal dijalankan, semua sektor pendidikan menjalani (PdP) secara <i>online</i>. ● KPM mengeluarkan surat siaran KPM Bilangan 3 Tahun 2020: Garis Panduan Pelaksanaan (PdP) semasa tempoh PKP

(b) Fasa Endemik Covid-19

Jadual 2 menunjukkan maklumat berkaitan fasa endemik Covid-19 yang telah melanda Malaysia.

Jadual 2 : Fasa endemik Covid-19 (Berita Harian, 2020)

Fasa Endemik Covid-19
<ul style="list-style-type: none"> ● Malaysia bakal memasuki peralihan fasa pandemik kepada fasa endemik Covid-19 iaitu Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) ● Bermula pada November 2020 ● 80% penduduk telah menerima dos vaksin ● Kebenaran diberikan oleh pihak KPM untuk membuka semula sektor pendidikan dan memulakan (PdP) secara <i>hidrid</i>

2.2 Langkah-langkah yang diambil dan keberkesanan pihak UTHM dalam menguruskan pengurusan fasiliti bilik kuliah di UTHM semasa peralihan fasa endemik Covid-19

Ia akan melibatkan 4 aspek iaitu aspek perancangan, penyelenggaraan, penyediaan perkhidmatan, dan pematuhan SOP seperti ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Langkah dan keberkesanan dalam pengurusan fasiliti bilik kuliah

Perancangan	Penyelenggaraan	Penyediaan Perkhidmatan	Pematuhan SOP
<ul style="list-style-type: none"> ● Merancang keperluan pelajar untuk pulang ke kampus ● Peningkatan keberkesanan dalam (PdP) secara bersemuka 	<ul style="list-style-type: none"> ● Membuat pengubahsuaian bilik kuliah ● Penyesuaian kepada pelajar untuk (PdP) dalam perubahan bilik kuliah 	<ul style="list-style-type: none"> ● Menyediakan alatan seperti <i>hand sanitizer</i> ● Dapat mengurangkan risiko jangkitan Covid-19 	<ul style="list-style-type: none"> ● Mematuhi pelaksanaan SOP ● Keselamatan, kesihatan, dan kesejahteraan dapat dijaga

3. Metodologi Kajian

Metodologi kajian amat penting dalam menjalankan sebarang penyelidikan. Ia memainkan peranan penting dalam penyelidikan untuk mendapatkan penyelidikan yang betul membincangkan kaedah yang digunakan oleh pengkaji bagi menjalankan kajian ini dan ia juga boleh dijalankan sebagai panduan untuk menjalankan kajian ini.

3.1. Data primer

Data primer terdiri daripada maklumat yang dikumpul terus daripada sumber tertentu. Dalam penyelidikan ini, pendekatan kualitatif digunakan untuk mengumpul sebahagian besar data. Kaedah kualitatif pula merujuk kepada kajian penyelidikan yang mana pengkaji bergantung kepada pendapat responden, mengemukakan soalan yang luas dan umum, mengumpul data dalam bentuk perkataan atau teks daripada responden, menerangkan dan menganalisis maklumat yang telah diperolehi. (Richard & Liu, 2015). Seterusnya, kaedah temu bual dijalankan dengan matlamat untuk mendapatkan maklumat daripada peserta kajian secara lisan (Chua, 2006).

Temu bual yang dibincangkan adalah mengenai penyediaan fasiliti bilik kuliah, cara penyediaan dan cabaran yang dihadapi dalam penyediaan serta sedikit cadangan dari pengkaji untuk penambahbaikan dalam pengurusan fasiliti bilik kuliah. Bagi responden kajian yang terlibat adalah pihak-pihak yang penting dalam hal berkaitan pengurusan fasiliti di UTHM seperti Pejabat Pengurusan Akademik (PPA), Pejabat Pembangunan dan Penyelenggaraan (PPP), Pejabat Pengurusan Strategik dan Risiko (PSPR), dan Fakulti.

3.2 Data Sekunder

Data sekunder adalah maklumat yang diperolehi daripada sumber yang telah diterbitkan dalam beberapa cara dirujuk. Antara data sekunder yang pengkaji gunakan untuk mengumpul maklumat adalah seperti laman web, buku rujukan, tesis, dan jurnal. Data ini diperlukan untuk memperoleh maklumat yang lebih tepat untuk analisis yang lebih tepat dan saintifik (Kabir, 2016).

4. Dapatan Kajian

Bahagian ini menerangkan dapatan kajian daripada soalan temu bual yang telah dilakukan kepada 6 orang responden bagi mengenalpasti langkah-langkah yang diambil dalam pengurusan fasiliti bilik kuliah dan keberkesanan pihak UTHM menguruskan fasiliti bilik kuliah semasa peralihan fasa endemik Covid-19 di UTHM, Johor. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan menggunakan instrumen temubual secara semi struktur sebagai kaedah pengumpulan data. Pengumpulan data dilakukan melalui catatan bertulis dan rakaman suara. Data yang telah dikumpulkan seterusnya dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan.

4.1 Latar Belakang Responden

Kajian ini melibatkan 6 orang responden. Responden yang dipilih mempunyai pengalaman dalam bidang pengurusan fasiliti dan mereka juga terlibat secara langsung dan tidak langsung di kawasan tersebut. Berikut adalah Jadual 4 yang menunjukkan latar belakang responden yang terlibat di dalam kajian ini.

Jadual 4: Latar belakang responden

Responden	Jawatan	Jabatan
R1	Penolong Pendaftar Kanan	PPA
R2	Pembantu Tadbir N19	PPA
R3	Ketua Jabatan	PSPR
R4	Pengarah	PPP
R5	Dekan	FFTP
R6	Dekan	FSKTM

4.2 Langkah-langkah yang diambil dalam pengurusan fasiliti bilik kuliah di UTHM semasa peralihan fasa endemik Covid-19.

Dalam bahagian ini, terdapat 4 aspek yang berkenaan langkah-langkah yang diambil dalam pengurusan fasiliti bilik kuliah di UTHM semasa peralihan fasa endemik Covid-19 iaitu perancangan, penyelenggaraan, penyediaan perkhidmatan, pematuhan SOP.

4.2.1 Langkah-langkah yang diambil dalam pengurusan fasiliti bilik kuliah di UTHM semasa peralihan fasa endemik Covid-19 dari aspek perancangan.

Bahagian ini menerangkan maklum balas responden berkenaan dengan langkah-langkah yang diambil dalam pengurusan fasiliti bilik kuliah di UTHM semasa peralihan fasa endemik Covid-19 dari aspek perancangan seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.

Bagi langkah yang diambil dalam perancangan pengurusan fasiliti bilik kuliah, R1,R2,R3 dan R4 memberikan maklum balas yang hampir sama iaitu *“mereka tidak terlibat dalam apa-apa perancangan pengurusan fasiliti bilik kuliah dan hanya menunggu arahan daripada pihak pengurusan atasan berkenaan perancangan pengurusan fasiliti bilik kuliah”*. Manakala, R5 pula menyatakan maklum balas iaitu *“pelajar yang pulang ke kampus untuk menjalankan kuliah secara fizikal perlu membuat swab test”* dan R6 pula mengatakan *“kuliah masih dijalankan secara online”*. Selain itu, berkaitan jenis perancangan pengurusan, R1,R2, dan R4 memberikan maklum balas yang sama iaitu *“mereka tidak terlibat dalam apa-apa perancangan pengurusan fasiliti bilik kuliah. Akan tetapi, bagi R3 dan R5 menyatakan jenis perancangan pengurusan yang dijalankan adalah secara “hidrid” dan R6 pula masih mengekalkan kuliah secara “online”*. Seterusnya, berkenaan maklum balas jenis perancangan dapat mengurangkan risiko Covid-19. R1,R2, dan R4 memberikan maklum balas yang sama iaitu *“mereka tidak terlibat dalam apa-apa jenis perancangan pengurusan dapat mengurangkan risiko Covid-19”*. R3, R5, dan R6 pula memberikan maklum yang hampir sama iaitu *“jenis perancangan pengurusan dapat mengurangkan risiko Covid-19 adalah ya dan berhasil serta rendah dan selamat”*.

Di samping itu, berkenaan cabaran dalam jenis perancangan pengurusan. R1,R2, dan R4 memberikan maklum balas yang sama iaitu *“mereka tidak terlibat dalam apa-apa cabaran dalam jenis perancangan pengurusan”*. Manakala bagi R4 dan R5 pula menjelaskan cabaran dalam jenis perancangan pengurusan adalah *“ruang/bilik kuliah yang terhad”* dan R6 pula menyatakan *“tiada cabaran yang dihadapi”*. Akhir sekali, berkenaan kemasukan mahasiswa/i yang tidak sepenuhnya ke kampus disebabkan oleh masalah dari aspek perancangan. R1,R2, dan R4 memberikan maklum balas yang sama iaitu *“mereka tidak terlibat dalam apa-apa perancangan pengurusan berkenaan kemasukan mahasiswa/i yang tidak sepenuhnya”*. Akan tetapi, R4 menjelaskan *“Petempatan yang terhad”* dan R5 dan R6 pula menyatakan maklum balas yang sama iaitu *“tiada masalah yang dihadapi”*.

Hal ini selari dengan kenyataan daripada *Center for Disease Control and Prevention (2020)* menyatakan beberapa langkah-langkah yang diambil dalam pengurusan fasiliti bilik kuliah semasa peralihan fasa endemik Covid-19 dari aspek perancangan seperti penilaian kapasiti bilik kuliah, menjaga penjarakan sosial, meningkatkan sistem pengudaraan menyediakan *hand sanitizer* serta membangunkan sistem kontingensi. Oleh itu, penekanan yang diberikan ini penting bagi menyokong usaha dalam meningkatkan langkah-langkah yang diambil dalam pengurusan fasiliti bilik kuliah di UTHM semasa peralihan fasa endemik Covid-19 dari aspek perancangan.

Jadual 5: Langkah yang diambil dalam aspek perancangan

Langkah yang diambil dalam aspek perancangan	R1	R2	R3	R4	R5	R6
1. Langkah yang diambil dalam perancangan pengurusan	-	-	Menunggu arahan	-	Swab test	Kekalkan online
2. Jenis perancangan pengurusan	-	-	hidrid	-	hidrid	online
3. Jenis perancangan dapat mengurangkan risiko Covid-19	-	-	Ya dan berhasil	-	Ya dan berhasil	Rendah dan selamat
4. Cabaran dalam jenis perancangan pengurusan	-	-	ruang/bilik kuliah yang	-	Ruang/bilik kuliah yang	Tiada

5. Kemasukan mahasiswa/i yang tidak sepenuhnya ke kampus	-	-	terhad Petempatan yang terhad	-	terhad Tiada masalah	Tiada masalah
--	---	---	-------------------------------------	---	----------------------------	------------------

Petunjuk : (-) menunjukkan bahawa responden tidak menjawab soalan temu bual

4.2.2 Langkah-langkah yang diambil dalam pengurusan fasiliti bilik kuliah di UTHM semasa peralihan fasa endemik Covid-19 dari aspek penyelenggaraan.

Bahagian ini menerangkan maklum balas responden berkenaan dengan langkah-langkah yang diambil dalam pengurusan fasiliti bilik kuliah di UTHM semasa peralihan fasa endemik Covid-19 dari aspek penyelenggaraan (Rujuk Jadual 6).

Bagi langkah yang diambil dalam penyelenggaraan pengurusan fasiliti bilik kuliah, R1, R2, R5, dan R6 memberikan maklum balas yang sama iaitu *“tidak terlibat dalam penyelenggaraan pengurusan fasiliti bilik kuliah”* manakala R3 dan R4 pula menjelaskan *“penggantian alat-alat dan perkhidmatan dalam bilik kuliah adalah langkah yang diambil dalam penyelenggaraan pengurusan fasiliti bilik kuliah”*. Selain itu, berkenaan jenis penyelenggaraan pengurusan bagi R1, R2, R3, R5, dan R6 menyatakan maklum balas yang sama iaitu *“mereka tidak terlibat dalam jenis penyelenggaraan pengurusan dan pengurusan tersebut adalah atas tindakan PPP”* tetapi R4 menyatakan *“jenis penyelenggaraan yang dijalankan adalah jenis 3 tahap iaitu proses yang dijalankan, kaedah yang digunakan, dan amalan kerja”*.

Seterusnya, maklum balas daripada R1, R2, R3, R5, dan R6 yang diberikan adalah hampir sama iaitu *“mereka tidak terlibat dalam jenis penyelenggaraan dapat mengurangkan risiko Covid-19 dan pengurusan tersebut adalah atas tindakan PPP”* manakala bagi R4 pula menjelaskan maklum balas iaitu *“penambahbaikan ruang/bilik kuliah yang belum siap menjadi cabaran dalam jenis penyelenggaraan”*. Hal ini adalah penambahbaikan yang dijalankan adalah dibawah penyelenggaraan daripada pihak JKR. Akhir sekali, R1, R2, R5, dan R6 menyatakan maklum balas yang sama iaitu *“mereka tidak terlibat terhadap kemasukan mahasiswa/i yang tidak sepenuhnya ke kampus”* manakala R3 dan R4 pula memberikan maklum balas yang sama iaitu *“tiada masalah berkenaan kemasukan mahasiswa/i yang tidak sepenuhnya ke kampus disebabkan dari aspek penyelenggaraan”*.

Hal ini juga selari dengan kenyataan dari CDC (2020) menyatakan beberapa langkah-langkah yang diambil dalam pengurusan fasiliti bilik kuliah semasa peralihan fasa endemik Covid-19 dari aspek penyelenggaraan seperti meningkatkan tahap kekerapan pembersihan dan pembasmian kuman, melaksanakan langkah penjarakan sosial, dan juga merancang dan mengikut garis panduan serta cadangan daripada pihak berkuasa kesihatan awam.

Jadual 6: Langkah yang diambil dalam aspek penyelenggaraan

Langkah yang diambil dalam aspek penyelenggaraan	R1	R2	R3	R4	R5	R6
1. Langkah yang diambil dalam penyelenggaraan pengurusan	-	-	Penggantian alat-alat dan perkhidmatan	Penggantian alat-alat dan perkhidmatan	-	-
2. Jenis penyelenggaraan pengurusan	-	-	Tindakan pihak PPP	Jenis 3 tahap	-	-
3. Jenis penyelenggaraan dapat mengurangkan risiko Covid-19	-	-	Ya dan berhasil	Ya dan berhasil	-	-
4. Cabaran dalam jenis penyelenggaraan pengurusan	-	-	Tindakan pihak PPP	Penambahbaikan ruang/bilik kuliah yang	-	-

				belum siap		
5. Kemasukan mahasiswa/i yang tidak sepenuhnya ke kampus disebabkan dari aspek penyelenggaraan	-	-	Tiada masalah	Tiada masalah	-	-

4.2.3 Langkah-langkah yang diambil dalam pengurusan fasiliti bilik kuliah di UTHM semasa peralihan fasa endemik Covid-19 dari aspek penyediaan perkhidmatan.

Bahagian ini menerangkan maklum balas responden berkenaan dengan langkah-langkah yang diambil dalam pengurusan fasiliti bilik kuliah di UTHM semasa peralihan fasa endemik Covid-19 dari aspek penyediaan perkhidmatan seperti di tunjukkan dalam Jadual 7.

Berikut adalah maklum balas yang hampir sama daripada R1, R2 dan R5 berkaitan langkah yang diambil dalam penyediaan perkhidmatan pengurusan fasiliti bilik kuliah iaitu *“perkhidmatan tempahan ruang/bilik kuliah dan peningkatan protokol pembersihan dan pembasmian kuman”*. Manakala bagi R3, R4, dan R6 pula menyatakan maklum balas yang sama iaitu *“tidak terlibat dalam langkah dalam penyediaan perkhidmatan”*. Selain itu, jenis penyediaan perkhidmatan pengurusan bagi R1 dan R2 menyatakan maklum balas yang sama iaitu *“tempahan ruang/bilik kuliah gunasama”* dan bagi R3, R4, R5, dan R6 pula memberikan maklum balas yang hampir sama iaitu *“tidak terlibat dalam jenis penyediaan perkhidmatan pengurusan fasiliti bilik kuliah”*. Seterusnya, R1, R2, dan R5 mengatakan maklum balas berkenaan jenis penyediaan perkhidmatan dapat mengurangkan risiko Covid-19 iaitu *“ya, ia dapat mengurangkan risiko jangkitan penyakit Covid-19”* manakala bagi R3, R4, dan R6 pula memberikan maklum balas yang sama iaitu *“tidak memberikan apa-apa maklum balas kerana ia bukan dibawah penyediaan perkhidmatan mereka”*.

Di samping itu, cabaran dalam jenis penyediaan perkhidmatan pengurusan mengikut maklum balas yang sama daripada R1, R2, dan R5 menjelaskan *“ia disebabkan oleh etika pelajar dan pihak yang tidak mematuhi prosedur SOP”* manakala bagi R3, R4, dan R6 pula memberika maklum balas yang sama juga iaitu *“tidak memberikan apa-apa maklum balas berkenaan cabaran yang dihadapi”*. Akhir sekali, berkenaan kemasukan mahasiswa/i yang tidak sepenuhnya ke kampus disebabkan dari aspek penyediaan perkhidmatan daripada maklum balas R1, R2, dan R5 adalah *“tiada masalah dan isu berkaitan kemasukan mahasiswa/i yang tidak sepenuhnya ke kampus”* dan bagi R3, R4, dan R6 pula memberikan maklum balas yang sama iaitu *“tidak memberikan apa-apa maklum balas berkenaan kemasukan mahasiswa/i yang tidak sepenuhnya ke kampus disebabkan dari aspek penyediaan perkhidmatan”*.

Hal ini selari dengan J.M. Albar., et al. (2020) menyatakan bahawa adalah penting bagi pihak universiti dan institusi pendidikan untuk melaksanakan langkah-langkah untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan pelajar, fakulti, dan kakitangan semasa pandemik Covid-19.

Jadual 7: Langkah-langkah yang diambil dalam aspek penyediaan perkhidmatan

Langkah yang diambil dalam aspek penyediaan perkhidmatan	R1	R2	R3	R4	R5	R6
1. Langkah yang diambil dalam penyediaan perkhidmatan pengurusan fasiliti bilik kuliah	Perkhidmatan tempahan ruang/bilik kuliah	Perkhidmatan tempahan ruang/bilik kuliah	-	-	Peningkatan protokol pembersihan & pembasmian kuman	-
2. Jenis penyediaan perkhidmatan pengurusan	Tempahan ruang/bilik	Tempahan ruang/bilik	-	-	Tiada	-

	kuliah gunasama	kuliah gunasama				
3. Jenis penyediaan perkhidmatan dapat mengurangkan risiko Covid-19	Ya	Ya	-	-	Ya	-
4. Cabaran dalam jenis penyediaan perkhidmatan pengurusan	Pihak yang tidak mematuhi SOP	Pihak yang tidak mematuhi SOP	-	-	Etika pelajar yang tidak mematuhi prosedur SOP	-
5. Kemasukan mahasiswa/i yang tidak sepenuhnya ke kampus disebabkan dari aspek penyediaan perkhidmatan	Tiada	Tiada	-	-	Tiada	-

4.2.4 Langkah-langkah yang diambil dalam pengurusan fasiliti bilik kuliah di UTHM semasa peralihan fasa endemik Covid-19 dari aspek pematuhan SOP.

Bahagian ini menerangkan maklum balas responden berkenaan dengan langkah-langkah yang diambil dalam pengurusan fasiliti bilik kuliah di UTHM semasa peralihan fasa endemik Covid-19 dari aspek pematuhan SOP (rujuk Jadual 8).

Berikut adalah maklum balas yang sama daripada R1 dan R2 berkenaan langkah yang diambil dalam pematuhan SOP pengurusan fasiliti bilik kuliah iaitu “*memberi kesedaran berkenaan pematuhan SOP*” manakala bagi responden R3 dan R5 pula menyatakan maklum balas yang sama iaitu “*dengan memantau pemantauan garis panduan SOP semasa peralihan fasa endemik Covid-19*” dan bagi maklum balas R4 dan R6 pula juga memberikan maklum balas yang sama iaitu “*tidak terlibat dalam langkah pematuhan SOP pengurusan fasiliti bilik kuliah*”. Selain itu, R1, R2, R3, dan R5 telah memberikan maklum balas yang sama iaitu “*pematuhan SOP telah berhasil*” berkaitan pematuhan SOP dapat mengurangkan risiko SOP. Seterusnya, berkenaan pihak UTHM dalam menyediakan pengurusan fasiliti pematuhan SOP. R1, R2, R3, dan R5 menyatakan maklum balas yang sama iaitu “*dengan menyediakan hand sanitizer di setiap ruang/bilik kuliah*” dan bagi R4 dan R6 pula memberikan maklum balas yang sama iaitu “*tidak terlibat dalam penyediaan pengurusan pematuhan SOP*”.

Di samping itu, berkaitan ya atau tidak, terdapat cabaran dalam pematuhan SOP dalam pengurusan fasiliti bilik kuliah. R1, R2, R3, dan R5 menyatakan maklum balas yang sama iaitu “*tidak, tiada cabaran yang dihadapi*” manakala bagi R4 dan R6 juga memberikan maklum balas yang sama iaitu “*tidak memberikan maklum balas apa-apa*” berkenaan cabaran dalam yang dihadapi dalam pengurusan pematuhan SOP. Akhir sekali, berkenaan kemasukan mahasiswa/i yang tidak sepenuhnya ke kampus disebabkan dari aspek pematuhan SOP yang perlu dipatuhi. Maklum balas daripada R1, R2, R3, dan R5 mengatakan maklum balas yang sama iaitu “*tidak, tiada isu atau masalah berkenaan kemasukan mahasiswa/i yang tidak sepenuhnya ke kampus*” manakala bagi R4 dan R6 memberikan maklum balas yang sama iaitu “*tidak terlibat dalam kemasukan mahasiswa/i yang tidak sepenuhnya ke kampus*”.

Berdasarkan maklum balas diatas, dapat dilihat pematuhan SOP sepanjang peralihan fasa endemik Covid-19 adalah sangat penting dipatuhi dan tidak boleh diambil ringan. Hal ini selari dengan World Health Organizations, (2020) menyatakan kemudahan bilik kuliah adalah penting untuk melaksanakan prosedur operasi standard (SOP) yang sesuai bagi mengurangkan risiko penularan Covid-19 semasa peralihan fasa endemik. Hal ini juga termasuk dengan pelaksanaan langkah-langkah penjarakan sosial, menyediakan alat-alat pembasmi kuman seperti hand sanitizer, dan lain-lain.

Jadual 8: Langkah-langkah yang diambil dalam aspek pematuhan SOP

Langkah yang diambil dalam aspek pematuhan SOP	R1	R2	R3	R4	R5	R6
1. Langkah yang diambil dalam pematuhan SOP	Kesedaran berkenaan pematuhan SOP	Kesedaran berkenaan pematuhan SOP	Memantau pemantauan garis panduan SOP	-	Memantau pemantauan garis panduan SOP	-
2. Pematuhan SOP dapat mengurangkan risiko Covid-19	Berhasil	Berhasil	Berhasil	-	Berhasil	-
3. Pihak UTHM menyediakan pengurusan fasiliti pematuhan SOP	Menyediakan hand sanitizer di setiap ruang/bilik kuliah	Menyediakan hand sanitizer di setiap ruang/bilik kuliah	Menyediakan hand sanitizer di setiap ruang/bilik kuliah	-	Menyediakan hand sanitizer di setiap ruang/bilik kuliah	-
4. Ya atau tidak, terdapat cabaran dalam pematuhan SOP	Tidak	Tidak	Tidak	-	Tidak	-
5. Kemasukan mahasiswa/i yang tidak sepenuhnya ke kampus	Tidak	Tidak	Tidak	-	Tidak	-

4.3 Keberkesanan pihak UTHM dalam menguruskan fasiliti bilik kuliah semasa peralihan fasa endemik Covid-19

Dalam bahagian ini, terdapat 4 aspek yang berkenaan keberkesanan pihak UTHM dalam menguruskan fasiliti bilik kuliah semasa peralihan fasa endemik Covid-19 iaitu keberkesanan perancangan, penyelenggaraan, penyediaan perkhidmatan, pematuhan SOP.

4.3.1 Keberkesanan pihak UTHM dalam menguruskan fasiliti bilik kuliah semasa peralihan fasa endemik Covid-19 dari aspek perancangan

Bahagian ini menerangkan maklum balas responden berkenaan dengan keberkesanan pihak UTHM dalam menguruskan fasiliti bilik kuliah semasa peralihan fasa endemik Covid-19 dari aspek perancangan (rujuk Jadual 9).

Berikut adalah maklum balas yang sama daripada pihak R3, R5, dan R6 berkenaan perancangan pengurusan fasiliti bilik kuliah berhasil memberikan keyakinan serta keselamatan iaitu "*Berhasil*" manakala bagi R1, R2, dan R4 pula memberikan maklum balas yang sama iaitu "*pihak PPA dan PPP tidak terlibat dalam keberkesanan perancangan pengurusan fasiliti bilik kuliah*". Selain itu, cabaran besar dalam merancang keberkesanan pengurusan fasiliti bilik kuliah yang dinyatakan oleh R3, R5, dan R6 adalah "*pelaksanaan SOP yang memerlukan perubahan ruang/bilik kuliah*" manakala bagi R1, R2, dan R4 pula memberikan maklum balas yang sama iaitu "*pihak PPA dan PPP tidak terlibat dalam cabaran yang dihadapi*". Seterusnya, berkenaan ketidaksetujuan mahasiswa/i untuk pulang ke kampus disebabkan oleh keberkesanan perancangan pengurusan fasiliti bilik kuliah menjadi tidak berhasil.

Maklum balas yang diberi oleh R3, R5, dan R6 adalah "*tidak, tiada masalah dan isu berkenaan ketidaksetujuan mahasiswa/i*" manakala bagi maklum balas yang sama daripada R1, R2, dan R4 iaitu "*pihak PPA dan PPP dapat memberikan apa-apa maklum balas kerana bukan dibawah perancangan mereka*". Di samping itu, berkaitan perancangan yang tidak sistematik yang menyebabkan mahasiswa/i berasa tidak selamat serta tidak yakin. Maklum balas daripada R3, R5, R6 menyatakan "*tidak, segala*

perancangan telah dirancang dengan lancar dan sempurna” manakala bagi R1, R2, dan R4 iaitu pihak PPA dan PPP memberikan maklum balas yang sama iaitu *“mereka tidak terlibat dalam perancangan yang tidak sistematik”*.

Hal ini selari dengan Smith. J (2020) menjelaskan keberkesanan mengurus kemudahan bilik kuliah semasa pandemik COVID-19 akan bergantung pada langkah khusus yang dilaksanakan dan sumber yang tersedia untuk menyokongnya. Adalah penting untuk terus memantau keadaan dan menyesuaikan diri mengikut keperluan untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan pelajar dan kakitangan.

Jadual 9: Keberkesanan pihak UTHM dalam menguruskan fasiliti bilik kuliah dari aspek perancangan

Keberkesanan dalam aspek perancangan	R1	R2	R3	R4	R5	R6
1. Perancangan pengurusan	-	-	Berhasil	-	Berhasil	Berhasil
2. Cabaran besar dalam merancang keberkesanan	-	-	SOP	-	SOP	SOP
3. Ketidaksetujuan mahasiswa/i untuk pulang ke kampus	-	-	Tidak	-	Tidak	Tidak
4. Perancangan yang tidak sistematik	-	-	Tidak	-	Tidak	Tidak

4.3.2 Keberkesanan pihak UTHM dalam menguruskan fasiliti bilik kuliah semasa peralihan fasa endemik Covid-19 dari aspek penyelenggaraan

Bahagian ini menerangkan maklum balas responden berkenaan dengan keberkesanan pihak UTHM dalam menguruskan fasiliti bilik kuliah semasa peralihan fasa endemik Covid-19 dari aspek penyelenggaraan (rujuk Jadual 10).

Berikut adalah maklum balas yang sama daripada R3 dan R4 berkenaan penyelenggaraan pengurusan fasiliti bilik kuliah semasa peralihan fasa endemik Covid-19 berhasil memberikan keyakinan serta keselamatan iaitu *“ya dan berhasil, pihak PPP telah menjalankan proses penyelenggaraan seperti pembersihan dan penyusunan ruang/bilik kuliah”* manakala bagi R1, R2, R5, dan R6 iaitu pihak PPA dan Fakulti memberikan maklum balas yang sama iaitu *“mereka tidak terlibat dalam penyelenggaraan pengurusan fasiliti bilik kuliah”*. Selain itu, R3 dan R4 juga memberikan maklum balas yang sama berkenaan cabaran besar dalam penyelenggaraan keberkesanan pengurusan adalah *“sistem pengudaraan dan mengekalkan peredaran udara bagi membantu mengurangkan penularan Covid-19”* manakala bagi R1, R2, R5, dan R6 iaitu pihak PPA dan Fakulti memberikan maklum balas yang sama iaitu *“mereka tidak terlibat dalam cabaran dalam penyelenggaraan pengurusan fasiliti bilik kuliah”*. Seterusnya, berkenaan penyelenggaraan pengurusan mampu meningkatkan tahap produktiviti pembelajaran dan pengajaran. R3 dan R4 telah menjelaskan maklum balas yang sama iaitu *“ya, ia mampu meningkatkan tahap produktiviti (PdP)”* manakala bagi R1, R2, R5, dan R6 iaitu pihak PPA dan Fakulti memberikan maklum balas yang sama iaitu *“mereka tidak terlibat dalam penyelenggaraan pengurusan fasiliti bilik kuliah”*.

Di samping itu, berkenaan ketidaksetujuan mahasiswa/i untuk pulang ke kampus disebabkan oleh keberkesanan penyelenggaraan pengurusan fasiliti bilik kuliah menjadi tidak berhasil. R3 dan R4 juga memberikan maklum balas yang sama iaitu *“tidak, tiada isu dan masalah berkenaan ketidaksetujuan mahasiswa/i”* manakala bagi R1, R2, R5, dan R6 iaitu pihak PPA dan Fakulti memberikan maklum balas yang sama iaitu *“mereka tidak terlibat dalam ketidaksetujuan mahasiswa/i”*. Akhir sekali, R3 dan R4 menyatakan maklum balas berkaitan penyelenggaraan yang tidak sistematik yang menyebabkan mahasiswa/i berasa tidak selamat serta tidak yakin iaitu *“tidak, segala penyelenggaraan telah dijalankan dengan sempurna dan baik”* manakala bagi R1, R2, R5, dan R6 iaitu pihak PPA dan Fakulti

memberikan maklum balas yang sama iaitu “*mereka tidak terlibat dalam penyelenggaraan yang tidak sistematik*”.

Selain itu, menurut Deris, (2006) menyatakan langkah-langkah dalam penyelenggaraan adalah amat penting bagi memastikan fasiliti tersebut sentiasa berada ditahap yang baik.

Jadual 10: Keberkesanan pihak UTHM dalam mengurus fasiliti bilik kuliah semasa peralihan fasa endemik Covid-19 dari aspek penyelenggaraan

Keberkesanan dalam aspek penyelenggaraan	R1	R2	R3	R4	R5	R6
1. Penyelenggaraan pengurusan	-	-	Ya dan berhasil	Ya dan berhasil	-	-
2. Cabaran besar dalam penyelenggaraan keberkesanan	-	-	Sistem pengudaraan & mengekalkan peredaran udara	Sistem pengudaraan & mengekalkan pretorian udara	-	-
3. Penyelenggaraan pengurusan mampu meningkatkan tahap produktiviti	-	-	Ya	Ya	-	-
4. Ketidaksetujuan mahasiswa/i untuk pulang ke kampus	-	-	Tidak	Tidak	-	-
5. Penyelenggaraan yang tidak sistematik	-	-	Tidak	Tidak	-	-

4.3.3 Keberkesanan pihak UTHM dalam mengurus fasiliti bilik kuliah semasa peralihan fasa endemik Covid-19 dari aspek penyediaan perkhidmatan

Bahagian ini menerangkan maklum balas responden berkenaan dengan keberkesanan pihak UTHM dalam menguruskan fasiliti bilik kuliah semasa peralihan fasa endemik Covid-19 dari aspek penyediaan perkhidmatan (Rujuk Jadual 11).

Berikut adalah penyediaan perkhidmatan pengurusan fasiliti bilik kuliah semasa peralihan fasa endemik Covid-19 berhasil memberikan keyakinan serta keselamatan. R1, R2, R5, dan R6 telah memberikan maklum balas yang sama iaitu “*ya dan berhasil*” manakala bagi R3 dan R4 iaitu pihak PSPR dan PPP memberikan maklum balas iaitu “*mereka tidak terlibat dalam penyediaan perkhidmatan pengurusan fasiliti bilik kuliah*”. Selain itu, R1, R2, R5, dan R6 juga menyatakan maklum balas yang sama berkenaan cabaran besar dalam keberkesanan penyediaan perkhidmatan adalah “*mengekalkan jarak antara satu sama lain disebabkan oleh ruang/bilik kuliah yang terhad*” manakala bagi R3 dan R4 iaitu pihak PSPR dan PPP memberikan maklum balas iaitu “*mereka tidak terlibat dalam cabaran penyediaan perkhidmatan*”.

Seterusnya, berkaitan penyediaan perkhidmatan pengurusan mampu meningkatkan tahap produktiviti pembelajaran dan pengajaran. R1, R2, R5, dan R6 juga menyatakan maklum balas yang sama iaitu “*ya dan berhasil*” akan tetapi bagi R3 dan R4 pula memberikan maklum balas iaitu “*tidak terlibat dalam penyediaan perkhidmatan pengurusan fasiliti bilik kuliah*”. Di samping itu, R1, R2, R5, dan R6 menjelaskan berkenaan ketidaksetujuan mahasiswa/i untuk pulang ke kampus disebabkan oleh keberkesanan penyediaan perkhidmatan pengurusan iaitu “*tidak, tiada masalah dan isu berkenaan ketidaksetujuan mahasiswa/i*” akan tetapi bagi R3 dan R4 mengatakan bahawa pihak PSPR dan PPP “*tidak terlibat dalam ketidaksetujuan mahasiswa/i untuk pulang ke kampus*”. Akhir sekali, berkenaan penyediaan perkhidmatan yang tidak sistematik yang menyebabkan mahasiswa/i berasa tidak selamat serta tidak yakin. R1, R2, R5, dan R6 menyatakan maklum balas yang sama iaitu “*tidak, segala penyediaan perkhidmatan telah disediakan dengan baik dan mencukupi*” manakala bagi R3 dan R4

pula tidak memberikan apa-apa maklum balas berkenaan penyediaan perkhidmatan yang tidak sistematik.

Di samping itu, menurut portal UTHM, (2020) menyatakan bahawa untuk menangani cabaran ini dengan berkesan, adalah perlu bagi UTHM untuk melaksanakan langkah dan strategi yang sesuai, seperti mengekalkan penjarakan sosial, memakai pelitup muka, membasmi kuman secara berkala di bilik kuliah, melatih fakulti dan kakitangan mengenai teknologi baharu, mengurangkan kapasiti mengikut keperluan, dan menangani isu teknikal. dengan segera.

Jadual 11 : Keberkesanan pihak UTHM dalam menguruskan fasiliti bilik kuliah dari aspek penyediaan perkhidmatan

Keberkesanan dalam aspek penyediaan perkhidmatan	R1	R2	R3	R4	R5	R6
1. Penyediaan perkhidmatan pengurusan	Ya dan berhasil	Ya dan berhasil	-	-	Ya dan berhasil	Ya dan berhasil
2. Cabaran besar dalam penyediaan perkhidmatan keberkesanan	Menjaga jarak	Menjaga jarak	-	-	Menjaga jarak	Menjaga jarak
3. Penyediaan perkhidmatan pengurusan mampu meningkatkan tahap produktiviti	Ya dan berhasil	Ya dan berhasil	-	-	Ya dan berhasil	Ya dan berhasil
4. Ketidaksetujuan mahasiswa/i untuk pulang ke kampus	Tidak	Tidak	-	-	Tidak	Tidak
5. Penyediaan perkhidmatan yang tidak sistematik	Tidak	Tidak	-	-	Tidak	tidak

4.3.4 Keberkesanan pihak UTHM dalam menguruskan fasiliti bilik kuliah semasa peralihan fasa endemik Covid-19 dari aspek penyediaan perkhidmatan.

Bahagian ini menerangkan maklum balas responden berkenaan dengan keberkesanan pihak UTHM dalam menguruskan fasiliti bilik kuliah semasa peralihan fasa endemik Covid-19 dari aspek penyediaan perkhidmatan (Rujuk Jadual 12).

Berikut ialah kenyataan daripada R1,R2,R3 dan R5 yang menghuraikan dengan maklum balas yang hampir sama berkenaan pematuhan SOP pengurusan fasiliti bilik kuliah semasa peralihan fasa endemik Covid-19 berhasil memberikan keyakinan serta keselamatan iaitu *“ya dan berhasil. Dengan pematuhan dari semua pihak, kadar peningkatan penyakit berjangkit Covid-19 dapat dikurangkan”*. Bagi R4 dan R6 pula memberikan maklum balas iaitu *“tidak terlibat dalam pematuhan SOP pengurusan fasiliti bilik kuliah”*. Selain itu, berkenaan cabaran besar dalam keberkesanan pematuhan SOP dalam pengurusan. R1,R2,R3 dan R5 telah menjelaskan maklum balas yang hampir sama iaitu *“etika pelajar dan pihak yang menggunakan fasiliti bilik kuliah yang tidak mematuhi prosedur SOP”* manakala bagi R4 dan R6 pula memberikan maklum balas bahawa mereka *“tidak terlibat dalam cabaran besar dalam keberkesanan pematuhan SOP”*.

Seterusnya, mengenai mahasiswa/i masih perlu mematuhi SOP semasa kuliah secara fizikal dijalankan. Maklum balas daripada semua responden menyatakan bahawa *“ya, pematuhan masih perlu dipatuhi sehingga sekarang walaupun kes jangkitan Covid-19 adalah rendah”*. Di samping itu, berkenaan pematuhan SOP pengurusan mampu meningkatkan tahap produktiviti (PdP). Maklum balas daripada R1,R2,R3 dan R5 mengatakan bahawa *“ya dan berhasil”* manakala bagi R4 dan R6 pula menyatakan bahawa *“tidak terlibat dalam pematuhan SOP pengurusan mampu meningkatkan produktiviti (PdP)”*. Akhir sekali, bagi ketidaksetujuan mahasiswa/i untuk pulang ke kampus

disebabkan oleh keberkesanan pematuhan SOP pengurusan fasiliti bilik kuliah menjadi tidak berhasil. Maklum balas daripada R1,R2,R3 dan R5 menyatakan “*tidak, tiada isu dan masalah mengenai ketidaksetujuan mahasiswa/i untuk pulang ke kampus*”. Manakala bagi R4 dan R6 pula menyatakan bahawa “*tidak terlibat mengenai ketidaksetujuan mahasiswa/i untuk pulang ke kampus disebabkan oleh keberkesanan pematuhan SOP pengurusan fasiliti bilik kuliah menjadi tidak berhasil*”.

Hal ini selari juga dengan kenyataan daripada Kaur, (2020) menyatakan keberkesanan kempen dan motivasi dalam meningkatkan pematuhan SOP semasa pandemik Covid-19. Satu kajian mendapati bahawa kempen yang menggunakan media sosial dan bantuan visual lain untuk menyebarkan kesedaran tentang kepentingan pematuhan SOP adalah berkesan dalam meningkatkan pematuhan terhadap dasar pemakaian pelitup muka dalam persekitaran universiti.

Jadual 12 : Keberkesanan pihak UTHM dalam menguruskan fasiliti bilik kuliah aspek pematuhan SOP

Keberkesanan dalam aspek pematuhan SOP	R1	R2	R3	R4	R5	R6
1. Pematuhan SOP pengurusan	Ya dan berhasil	Ya dan berhasil	Ya dan berhasil	-	Ya dan berhasil	-
2. Cabaran besar dalam keberkesanan pematuhan SOP dalam pengurusan	Etika pelajar yang tidak mematuhi prosedur SOP	Etika pelajar yang tidak mematuhi prosedur SOP	Pihak yang tidak mematuhi SOP	-	Pihak yang tidak mematuhi SOP	-
3. Mahasiswa/i masih perlu mematuhi SOP semasa kuliah secara fizikal dijalankan	Ya	Ya	Ya	Ya	Ya	Ya
4. Pematuhan SOP pengurusan mampu meningkatkan tahap produktiviti	Ya dan berhasil	Ya dan berhasil	Ya dan berhasil	-	Ya dan berhasil	-
5. Ketidaksetujuan mahasiswa/i untuk pulang ke kampus SOP	Tidak	Tidak	Tidak	-	Tidak	-

5. Perbincangan

Dapat dirumuskan bahawa kajian ini telah mencapai objektif seperti yang dinyatakan di dalam dapatan kajian. Kajian telah mengenalpasti langkah-langkah yang diambil dalam pengurusan fasiliti bilik kuliah di UTHM semasa peralihan fasa endemik Covid-19 dari pelbagai aspek iaitu aspek perancangan, penyelenggaraan, penyediaan perkhidmatan, pematuhan SOP.

5.1 Objektif 1: Langkah-langkah yang boleh diambil dalam pengurusan fasiliti bilik kuliah di UTHM semasa peralihan fasa endemik Covid-19 dari aspek perancangan, penyelenggaraan, penyediaan perkhidmatan dan pematuhan SOP.

Berdasarkan kepada aspek-aspek tersebut, aspek perancangan menjadi kesan utama kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan juga tidak langsung dengan langkah-langkah yang boleh diambil dalam pengurusan fasiliti bilik kuliah semasa peralihan fasa endemik Covid-19 di UTHM, Johor. Dari aspek perancangan, adalah penting untuk mempunyai pelan yang jelas dan terperinci untuk bagaimana bilik kuliah akan digunakan dan diduduki semasa fasa ini.

Hal ini mungkin melibatkan mengehadkan bilangan orang yang dibenarkan dalam setiap bilik, mengubah semula susunan tempat duduk dan mewujudkan protokol untuk membersihkan dan membasmi kuman antara kelas. Sebagai contoh, Ho *et al.* (2021) mendapati bahawa melaksanakan langkah-langkah penjarakan fizikal dan meningkatkan kekerapan pembersihan dan pembasmian kuman di dalam bilik darjah dikaitkan dengan kadar penularan COVID-19 yang lebih rendah di sekolah.

5.2 Objektif 2 : Keberkesanan dari aspek perancangan, penyelenggaraan, penyediaan perkhidmatan, pematuhan SOP oleh pihak UTHM dalam menguruskan fasiliti bilik kuliah semasa peralihan fasa endemik Covid-19.

Berdasarkan kepada aspek-aspek tersebut, aspek keberkesanan penyelenggaraan dan aspek keberkesanan pematuhan SOP menjadi kesan utama kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan juga tidak langsung terhadap keberkesanan pihak UTHM dalam menguruskan pengurusan fasiliti bilik kuliah semasa peralihan fasa endemik Covid-19 di UTHM, Johor. Di samping itu, keberkesanan yang berhasil daripada aspek tersebut juga telah menjadi pemangkin kepada UTHM dalam pengurusan fasiliti bilik kuliah semasa peralihan fasa endemik Covid-19.

Dari segi penyelenggaraan, adalah penting untuk sentiasa memeriksa dan menguji sistem mekanikal, seperti pemanasan dan pengudaraan, dan memastikan peralatan dan teknologi berada dalam keadaan berfungsi dengan baik. Penapis udara mesti dinaik taraf dan penapis udara mesti dipasang. Sebagai kajian oleh Park *et al.* (2021) menyatakan, pengudaraan, penapisan dan pertukaran udara yang betul adalah faktor penting dalam mengurangkan penyebaran COVID-19 di ruang dalaman.

Manakala pematuhan SOP juga memainkan peranan penting dalam menguruskan kemudahan bilik kuliah dengan berkesan semasa fasa endemik Covid-19. Adalah penting untuk membangunkan prosedur operasi standard yang mematuhi garis panduan kesihatan awam tempatan, dan peraturan persekutuan dan negeri. Sebagai contoh, kajian oleh Kuster *et al.* (2021) mendapati bahawa pematuhan terhadap langkah pencegahan dan kawalan jangkitan, seperti pemakaian pelitup muka, penjarakan fizikal dan menjaga kebersihan tangan, dikaitkan dengan kadar penularan COVID-19 yang lebih rendah di sekolah.

6. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini telah mencapai objektif kajian yang telah dinyatakan. Pengkaji berharap maklumat daripada kajian ini dapat membantu kesemua pihak sama ada dari segi akademik atau dalam sektor pendidikan. Kajian ini turut diharapkan dapat memberi maklumat yang jelas mengenai langkah-langkah yang boleh diambil dalam pengurusan fasiliti bilik kuliah di UTHM semasa peralihan fasa endemik Covid-19 dan keberkesanan pihak UTHM dalam menguruskan pengurusan fasiliti bilik kuliah semasa peralihan fasa endemik Covid-19. Kesemua pihak seperti pihak pengurusan atasan, PPA, PPP, PSPR, OSHE, pihak fakulti, pensyarah, dan juga mahasiswa/i haruslah bekerjasama dalam pengurusan fasiliti bilik kuliah serta pematuhan SOP bagi keselamatan dan kesihatan semua pihak di UTHM semasa peralihan fasa endemik Covid-19 hingga sekarang.

Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussien Onn Malaysia di atas segala sokongan yang diberi.

Rujukan

- [1] Berita Harian. 2022. *KMUM bantah kelas, peperiksaan fizikal, gesa beri pilihan bukan paksaan*. Diakses pada <https://malaysiagazette.com/2022/04/09/kmum-bantah-kelas-peperiksaan-fizikal-gesa-beri-pilihan-bukan-paksaan-wan-afiq-ikhwan/>
- [2] Chua, Y. P. (2006). *Kaedah dan statistik penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- [3] Hafiz.M, Falina.H, Fikhriah.N & Safura, (2017). *Penyediaan Fasiliti Orang Kurang Upaya (OKU) Di Institusi Pengajian Tinggi*. 2nd Putrajaya International Conference on Children, Women, Elderly and Disabled People (PICCWED2), May, 304–311.

- [4] Hamilton, B. dan Norizan Ahmad. 2001. *Facilities management development*. Dlm: Facilities Management Seminar. Kuala Lumpur, 7 April 2001.
- [5] Ho., et al. (2021). *Kesan intervensi berasaskan sekolah terhadap penularan SARS-CoV-2: kajian sistematik dan meta-analisis*. *Kesihatan Kanak-kanak & Remaja The Lancet*, 7(1), 25-34.
- [6] Horvath, K.J., D'Souza, D., Rolfe, I., Bosua, R., & Chen, Y. (2021). *Menguruskan peralihan kepada fasa endemik COVID-19 dalam pendidikan tinggi: semakan sistematik*. *Pengajian Tinggi*, 1-19.
- [7] Ibrahim, R. (2016) *Journal of Business Innovation Jurnal Inovasi Perniagaan Volume 1 No.2/ 2016: 103-124. Impak kualiti perkhidmatan dan fasiliti*.
- [8] M. Albar., et al. (2020) *Strategi untuk Mengurus Pandemik COVID-19 di Institusi Pendidikan*. *Journal of Infection and Public Health*.
- [9] Jones, M., & Smith, J. (2021). *Strategi untuk mengekalkan kemudahan bilik kuliah semasa pandemik Covid-19: Kajian semula amalan terbaik*. *Jurnal Pengurusan Pendidikan Tinggi*, 34(2), 123-137.
- [10] Kabir, S. M. S. *Basic Guidelines for Research: An Introductory Approach for All Disciplines*. 1st Ed. Chittagong, Bangladesh. 2016.
- [11] Kaur, J., et al. (2020). *Penggunaan media sosial sebagai alat untuk meningkatkan penggunaan topeng di tempat awam semasa pandemik COVID-19: Percubaan terkawal rawak*. *Kesihatan Awam dan Pengawasan JMIR*, 6(4), e21462.
- [12] KPT. (2020). *Fasa Pandemik Covid-19 di Malaysia*. Diakses pada <https://www.moe.gov.my>.
- [13] Kementerian Kesehatan RI. (2020). *Pedoman Pencegahan dan Pengendalian Coronavirus Disease*. Direktorat Jenderal Pencegahan dan Pengendalian Penyakit, 1-136.
- [14] Kuster., et al.. (2021). *Penularan COVID-19 di sekolah: kajian semula bukti dan implikasi untuk dasar*. *Kesihatan Kanak-kanak & Remaja Lancet*, 7(1), 17-24.
- [15] Njoroge, K., & Smith, C. (2020). *Menguruskan pandemik COVID-19: Cabaran dan peluang untuk profesional pengurusan kemudahan*, 38(9/10), 651-664.
- [16] Park., et al. (2021). *Penghantaran COVID-19 melalui udara: Pengetahuan semasa, strategi mitigasi dan perspektif masa depan*. *Jurnal Persatuan Perubatan Korea*, 64(3), 107-116.
- [17] Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC). (2020). *Strategi untuk mengoptimumkan bekalan PPE*. Diperoleh daripada: <https://www.cdc.gov/coronavirus/2019-ncov/hcp/ppe-strategy/index.html>
- [18] Pertubuhan Kesihatan Dunia. (2020). *Nasihat tentang penggunaan topeng dalam konteks COVID-19*. Diperoleh daripada: [https://www.who.int/publications/i/item/advice-on-the-use-of-masks-in-the-community-during-home-care-and-in-healthcare-settings-dalam-konteks-novel-coronavirus-\(2019-ncov\)-wabak](https://www.who.int/publications/i/item/advice-on-the-use-of-masks-in-the-community-during-home-care-and-in-healthcare-settings-dalam-konteks-novel-coronavirus-(2019-ncov)-wabak)
- [19] Rashidi, M. N., Begum, R. A., Mokhtar, M., & Jacqueline, J. (2014). *Pelaksanaan Analisis Kandungan Sebagai Metodologi Kajian bagi Mengenalpasti Kriteria Pembinaan Lestari*. *Journal of Advanced Research Design*, 1(1), 18-27.
- [20] *"Reka Bentuk Dewan Kuliah Besar"*. Pusat Penyelidikan Pembelajaran dan Pengajaran. Diarkib daripada yang asal pada 2010-08-19. Dicapai pada 2011-01-23
- [21] Richard F. Fellows & Anita M. M. Liu. (2015) *Research Methods For Construction*. 4th Ed. Blackwell Publishing.
- [22] Smith, J. (2020). *Kesan perancangan tidak sistematik terhadap kebimbangan pelajar semasa pandemik Covid-19*. *Jurnal Pengajian Tinggi*, 45(3), 143-156. Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit. (2021). *Strategi untuk mengoptimumkan bekalan PPE dan peralatan*. Diperoleh daripada: <https://www.cdc.gov/coronavirus/2019-ncov/hcp/ppe-strategy/index.html>
- [23] Smith, J. (2020). *Perancangan berkesan untuk menguruskan kemudahan bilik kuliah semasa pandemik COVID-19*. *Jurnal Pentadbiran Pendidikan*, 32(4), 223-245.
- [24] Tosepu, R., Gunawan, J., Effendy, D.S., Ahmad, L.O.A.I., Lestari, H., Bahar, H., As fifi an, P., (2020). *Correlation between weather and Covid- 19 pandemic in Jakarta, Indonesia*. *Sci. Total Environ.*, 138436 <https://doi.org/10.1016/j.scitotenv.2020.138436>
- [25] UTHM, (2020) *Perkhidmatan pengurusan kemudahan bilik kuliah*. Diperoleh daripada: <http://www.uthm.edu.my/services/lecture-room-facility-management-services>.
- [26] Yang, Y., et al. (2021). *Keberkesanan campur tangan bukan farmaseutikal untuk mengawal wabak COVID-19 dalam tetapan pendidikan tinggi: Kajian sistematik dan meta-analisis*. *Laporan Perubatan Pencegahan*, 19, 100859.
- [27] Zuhairi Abd. Hamid. (2004). *Role of information technology in facility management*. *Buletin Ingenieur*, Vol. 24 pp.25-31.